

**Polis temui bahan letupan IED di pusat operasi BN
Malaysian Insider
April 24, 2013
Oleh Opalyn Mok**

NIBONG TEBAL, 24 April — Polis menemui bahan letupan ubahsuai (IED) dalam timbunan sampah berhampiran pusat operasi pilihan raya Barisan Nasional (BN) di sini selepas letupan semasa ceramah semalam.

Ketua Polis Pulau Pinang DCP Datuk Abdul Rahim Hanafi yang memeriksa lokasi tersebut pagi ini berkata kerja tersebut dilakukan oleh mereka yang profesional kerana bahan letupan tersebut mempunyai jam masa.

Semalam kira-kira jam 10.15 malam, satu letupan berlaku di kawasan sampah berhampiran pusat tersebut hingga menyebabkan seorang pekerja parti berusia 35 tahun tercedera.

Ekoran insiden tersebut, unit bom polis melakukan pemeriksaan sekitar kawasan itu dan menemui bahan letupan kedua kira-kira jam 2 pagi kemudiannya.

"Kami letupkan bahan itu kira-kira jam 3 pagi semalam," katanya semasa satu sidang akhbar.

Pekerja terbabit menerima rawatan pesakit luar untuk kecederaan pada betis kanannya.

"Kami percaya bahan letupan itu bertujuan untuk menakutkan dan bukan untuk mencederakan kerana tiada serpihan, ia hanya satu letupan yang kuat," katanya.

Pekerja yang tercedera terbabit terkena serpihan PVC yang berada dalam timbunan sampah dan bukan daripada serpihan IED.

Beliau menambah bahawa kedua-dua IED, bersaiz kira-kira dua bateri A, yang terkandung di dalam sebuah kotak kecil dan kedua-duanya mempunyai jangka masa.

Pihak polis telah membentuk satu pasukan khas untuk menyiasat kes ini.

DCP Abdul Rahim memberi jaminan orang ramai tidak perlu bimbang tentang keselamatan mereka kerana pasukan polis sentiasa mengawal ketat sepanjang tempoh berkempen Pilihan Raya 2013 ini.

"Kami percaya motif ini adalah semata-mata untuk menakut-nakutkan dan mewujudkan kekacauan awam," katanya.

Beliau memberi amaran bahawa pihak polis akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana orang yang mencipta kekacauan sepanjang tempoh berkempen ini.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 6, Akta Bahan Letupan 1957 yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda sehingga RM10, 000 atau kedua-duanya.

Pihak polis telah mengambil keterangan tujuh orang saksi di tempat kejadian.

DCP Abdul Rahim juga menggesa semua parti politik untuk memastikan mereka memohon permit ketika menjalankan ceramah supaya pihak polis dapat hadir untuk memastikan keamanan dan keselamatan semasa ceramah itu.

Sejak hari pencalonan, sebanyak 159 ceramah telah diadakan di negeri ini, 89 laporan pilihan raya yang berkaitan telah dibuat dan tujuh kertas siasatan dibuka.

Ini merupakan insiden kedua yang berkaitan dengan pilihan raya semasa tempoh berkempen, yang pertama adalah penangkapan 11 lelaki di dua lokasi berasingan yang memiliki parang yang ada pada mereka ketika memasang bendera.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/polis-temui-bahan-letupan-ied-di-pusat-operasi-bn/>